

24/06/1999

Anwar tanggung kesilapan sendiri

Kamaruzaman Zainal Abidin

PENJELASAN Datuk Seri Mahathir Mohamad mengenai isu Datuk Seri Anwar Ibrahim jelas menunjukkan bahawa bekas Timbalan Presiden itu punca pencetus masalah yang akhirnya membakar diri sendiri. Beliau rupanya yang bernafsu besar bukan saja untuk keperluan biologi tetapi juga terhadap cita-cita politiknya yang dangkal.

Isu ini adalah teladan kepada sesiapa jua pun yang tidak sabar dan suka menggunakan topeng untuk mencapai tujuannya tanpa mengira lagi soal moral apa lagi tanggungjawab sebagai warganegara untuk agama, bangsa dan negara. Dalam kes Anwar semua orang tahu bahawa pada asasnya beliau adalah ketua pelajar yang diangkat oleh Dr Mahathir yang percaya akan asas prinsip perjuangannya. Akhirnya Dr Mahathir cuba ditelannya.

Akhirnya beliau sendiri jatuh kecundang dan merana hidup di penjara. Ini bukan salah sesiapa, tetapi akibat bahana penyakit yang dicari sendiri. Beliau kelihatannya cuba membawa gayanya sebagai ketua pelajar tanpa mengira soal waktu, masa dan zaman yang jauh berubah dari soal Baling, Islamisasi dan perekonomian negara.

Anwar sungguh berbahaya! Beliau cuba membangkitkan emosi rakyat disangkanya seteruk nasib hidup rakyat di Indonesia, Filipina atau Thailand atau Bangladesh. Anwar silap! Beliau bukan tidak tahu hal itu tidak mungkin terjadi di Malaysia kerana rata-rata kehidupan rakyatnya selesa dan tiada kelaparan malah Malaysia adalah antara negara termakmur di Asean.

Ini menunjukkan Anwar begitu terdesak dan cuba menggunakan rakyat marhaen untuk mengacau-bilaukan negara, tidak lain tidak bukan untuk kepentingan diri saja supaya beliau terlepas dari hukuman. Dr Mahathir tidak akan membiarkan pemimpin seperti Anwar merosak keamanan negara ini yang tidak ternilai dengan wang ringgit.

Imej Anwar merosakkan pandangan orang ramai terhadap golongan intelektual yang warak terutama mereka yang berjanggut sikit di dagu dan bermisai jarang kerana perilakunya. Tetapi apakan daya nampaknya ada masyarakat yang sangat taksub dengan penampilan Anwar dan apa saja hukuman yang diterima olehnya dianggap zalim oleh pengikut yang sebenarnya lebih bersikap membuta-tuli.

Tentunya Dr Mahathir kecewa dengan perbuatan Anwar yang sangat disayanginya ini. Siapa yang tidak kecewa, ibarat anak yang dibelai dan diberikan susu tetapi tuba dan racun dibalas oleh orang yang membesarkannya. Ini tidak mengenang jasa namanya.

Oleh yang demikian Dr Mahathir bukanlah orang yang bertanggungjawab terhadap kejatuhan Anwar tetapi diri sendiri yang tidak tahu menilai erti kehidupan.

Dr Mahathir terus diperlukan untuk memimpin negara ini atas prinsipnya yang begitu konsisten. Sebagai bukti Malaysia membangun secara sangat drastik tetapi bersistematik sejak 1981 hingga sekarang dan dikenali dunia barat sebagai negara yang sangat berpotensi untuk pelaburan.

Dr Mahathir juga adalah pejuang negara dunia ketiga terhadap ketidakadilan pembahagian kemakmuran oleh negara Barat.